

04/11/1997

Punca pembangkang tidak dihormati rakyat

KOTA KINABALU, Isnin - Parti pembangkang tidak konsisten dalam menyokong dan memperjuangkan dasar negara menyebabkan mereka tidak dihormati oleh rakyat negara ini, kata Ketua Penerangan Umno Malaysia, Datuk Dr Yusof Nor.

Sehubungan itu, katanya, tindakan pemimpin pembangkang DAP dan Pas menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dalam menghadapi kemelut ekonomi dan tekanan media antarabangsa, amat dihargai.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan singkat meninjau dan mendapat taklimat mengenai pilihan raya percubaan yang dijalankan Barisan Nasional di Pejabat Perhubungan Umno di sini hari ini.

(END)